

27 FEB 2001

MOGGIE-BAKUN

KABINET AKAN BINCANG MENGENAI PROJEK BAKUN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Kabinet dijangka membincang dan membuat keputusan mengenai projek Empangan Elektrik Hidro Bakun di Belaga, Sarawak, tidak lama lagi, demikian menurut Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Keputusan rasmi akan dibuat, samada kuasa daripada empangan itu akan disalurkan ke Semenanjung atau hanya untuk kegunaan di Sabah dan Sarawak, kata beliau ketika diminta mengulas mengenai status projek Bakun, sebagai susulan kepada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Sarawak baru-baru ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Pembangunan Perniagaan Syarikat Perkhidmatan Tenaga di sini, hari ini.

"Pendapat sekarang ialah mungkin kita patut menggunakannya di Sabah dan Sarawak sahaja. Ini akan membantu mengurangkan kos pelaburan sebaik sahaja kita melupakan perlunya penghantaran menerusi kabel sub marin," kata beliau.

Projek hidro elektrik, yang dihentikan ketika berlakunya krisis ekonomi, pada asalnya bertujuan melengkapkan lagi bekalan tenaga ke semenanjung Malaysia.

Keputusan kabinet, kata beliau, akan memberi kesan penentuan fasa projek berkenaan. Tempoh masa bagi pemasangan mesin dan turbin boleh disesuaikan bergantung kepada keperluan sebenar kuasa jika ia semata-mata untuk kegunaan di Sarawak dan Sabah sahaja.

Pada masa ini, permintaan kuasa melebihi 500 megawatt di Sarawak dan 400 megawatt di Sabah.

Moggie berkata terdapat potensi untuk permintaan meningkat di Sabah dan Sarawak, begitu juga di Brunei dan Kalimantan. -- BERNAMA

ZUE KTC AA